

SEMANGAT DAN JIWA PELUKIS CAT AIR

AB IBRAHIM

Oleh: Ismaliza Badarudin

Mengabdikan diri selama hampir 35 tahun menghasilkan lukisan gaya naturalistik sebagai sumber rezeki untuk kehidupan keluarga disamping jiwanya terhadap tuhan tidak pernah dilupakan.

Kemunculan Ibrahim bin Abu Bakar atau lebih dikenali sebagai A.B. Ibrahim sebagai seorang pelukis tanpa ada kelulusan akademik tetapi tetap berjuang dengan hasil usahanya. Menerima pendidikan sehingga darjah empat di Sekolah Melayu Derga, Alor Setar, Kedah. Menimba ilmu melukis melalui pengalamannya sendiri disamping bakat semulajadi yang ada dalam dirinya.

Walaupun namanya tidak sehebat Abdullah Ariff dan Yong Mun Sen di awal tahun 50an tetapi kerana inginkan kesempurnaan hidup yang lahir dari jiwa yang luhur maka hasil daripada alunan berus, warna dan daya cipta yang boleh dimengertikan oleh masyarakat dan dapat dihargai oleh masyarakat.

Merupakan anak kelima daripada sembilan orang adik - beradik ini amat meminati seni lukisan sejak dari kecil lagi apabila melihat abang - abangnya melukis. Tidak seperti kanak - kanak lain, seawal usianya 11 tahun beliau telah menamatkan pengajiannya dan melakukan pelbagai pekerjaan seperti membantu berniaga di Pekan Rabu dan menjadi buruh binaan jalan raya semata - mata untuk menyara keluarganya yang berpendapatan sederhana. Namun, jiwa seni yang lahir dalam dirinya tidak pernah luntur.

Sewaktu peperangan Jepun meletus di Tanah Melayu dan diambil kuasa pemerintahan oleh tentera Jepun, banyak pertandingan melukis seperti poster dan logo yang dianjurkan oleh pihak Jepun. Ini merupakan satu propaganda kepada rakyat sebagai satu cara meningkatkan taraf hidup. Walau bagaimanapun, peluang ini diambil oleh A.B. Ibrahim untuk mendorong beliau bergiat aktif dalam seni dan mempamerkan karya - karyanya kepada orang ramai. Beliau sekali lagi amat bersyukur kerana dengan keistimewaan bakat melukis yang ada pada dirinya telah membolehkan beliau terlepas dari dikerah oleh pihak Jepun untuk membina jalan kereta api diantara Siam dan Burma yang dikenali sebagai "Jalan Kereta api Maut". Sikapnya yang sentiasa peramah dan baik hati serta berdisiplin disenangi oleh rakan - rakan dan orang ramai. Masyarakat Cina waktu itu juga amat mengenali A.B. Ibrahim dan sanggup menempah melukis potret wajah ahli keluarga mereka sebagai menghormati pada gambar potret yang disimpan apabila sudah tiada. Minat seninya itu diteruskan lagi dengan menubuhkan "Studio Warna" bersama dua lagi rakan baiknya yang digelar "Tiga serangkai" iaitu AJ Rahman dan Saidin Yahya selepas tamatnya Perang Jepun.

GAYA DALAM KARYANYA



A.B. Ibrahim
Menarik Jala
1950-70an
Cat air atas kertas
28 x 38 cm
2006.123



A.B. Ibrahim
Rumah Langsir Merah
1950-70an
Cat air atas kertas
28 x 38 cm
2006.116

Bagi mereka yang mengenali A.B Ibrahim dan lukisannya pastinya diingatan terbayang sawah padi yang terbentang, desa yang tenteram, para nelayan di tepian pantai bersifat panoramik, romantik dan suasana yang menyegarkan. Bertemakan pemandangan alam dan suasana perkampungan melayu dengan media cat air yang menarik dan mempengaruhi pelawat - pelawat luar negara terutama dari benua Eropah untuk mendapatkannya. Pemandangan yang dihasilkan oleh beliau tersiratnya kecantikan semulajadi yang menonjolkan identiti masyarakat dan suasana yang aman dan damai.

'Mass Production' atau teknik yang berulang-ulang yang dihasilkan oleh beliau masih memperlihatkan nilai seni yang teguh yang berbentuk sendiri dan gayanya. Meskipun masih terlihat kesan - kesan pengaruh mempengaruhi antara seorang pelukis dengan yang lain.

Fahaman dan pemikiran beliau terhadap unsur-unsur estetik tidak beliau beratkan. Beliau bukan dari golongan formalis untuk mengupas berkaitan elemen dan prinsipal dalam kesenian. Ini kerana beliau belajar dari pengalaman sendiri bukan diorientasikan dari akademisme seni lukis. Beliau tetap dengan prinsip dan teknik daya ciptanya. Pada era 60an kebangkitan "*abstrac expressionist*" terhadap hasil lukisan di barat semakin menular. Walaupun beliau menumpukan karya - karya berunsur naturalistik, ekspresionis mempengaruhi sebilangan besar pelukis - pelukis di Malaysia. Dalam percubaan seperti ini, beliau belum boleh dikatakan begitu mendalami kepada persoalan makna dan pengalaman emosi. Bagi A.B. Ibrahim beliau lebih matang dengan realiti fizikal dalam lukisannya.

Dengan kematangan dan kecekapan teknik yang sering digunapakai sebagai sumber mencari rezeki, menampakkan proses perkembangan dari segi gaya dan tekniknya yang kian berubah. Warna - warna dan pukulan berus lebih longgar dan menuju kekasaran, 'stroke' yang padat dengan warna - warna yang bertenaga.

KEJAYAAN SEBAGAI PELUKIS


Beliau merupakan pelukis Melayu yang memahami akan kehendak masyarakat serta melukis dengan kehendak masyarakat pada ketika itu. Keyakinan yang ada dalam dirinya untuk membentuk diri sendiri supaya lebih rasional dan melahirkan

apa yang dipercayai merupakan perinsip yang dalam hidupnya. Walaupun pelbagai kritikan yang diterimanya tetapi beliau tetap mengekalkan keaslian gaya yang dipegangnya.

Beliau sepatutnya diberi sanjungan dan kepujian kerana walaupun hasil karyanya merupakan hasil seni yang banyak untuk hasil perdagangan tetapi daripada hasil seni seperti ini beliau dapat mengekalkan ketulinan gaya yang diciptakan. Tanggal 25 Disember 1977 di usia 52 tahun beliau menghembuskan nafas terakhir di rumahnya. Kehilangan beliau amat dirasai khususnya dunia seni lukis, rakan taulan dan masyarakat. Semoga semangat dan keyakinannya terus tersemat didalam jiwa anak - anak seni generasi kini.

Rujukan:

- 1. Temubual bersama Pn. Faridah binti Ibrahim***
- 2. Temubual bersama En. Fuad bin Ibrahim***
- 3. Temubual bersama En. Mohd Fikri bin Ibrahim***
- 4. Temubual bersama Pn. Fadilah binti Ibrahim***
- 5. Riwayat Hidup A.B. Ibrahim oleh Faridah binti Ibrahim***



Dari kanan duduk A.B. Ibrahim,
A.J. Rahman (tengah)
dan Saidin Yahya (berdiri)



A.B. Ibrahim sedang tekun menghasilkan
karya di studio belakang rumahnya
yang terletak di Kampung Jalan Dato Kumbang,
Alor Setar, Kedah



Hasil karya beliau semasa
mengadakan pameran di Alor
Setar, Kedah pada tahun 1960